

Sektor Perbankan Laporkan Keputusan Baik Bagi Suku Ke-4 2013

Bernama

6 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Sektor perbankan melaporkan keputusan yang baik bagi suku keempat tahun kalendar 2013, meskipun keuntungan bersihnya susut tiga peratus secara perbandingan suku ke suku kepada RM5.5 bilion.

Firma penyelidikan, RHB Group, berkata lima daripada tujuh saham perbankan yang diliputinya melaporkan keputusan yang sejajar dengan anggarannya dan anggaran konsensus.

"Tempoh pelaporan suku keempat tahun kalendar 2013 adalah suku yang membanggakan bagi bank-bank, dengan pertumbuhan positif bagi pendapatan ekoran peningkatan pertumbuhan pinjaman, margin faedah bersih yang stabil dan kegiatan pasaran modal yang lebih teguh, manakala kualiti aset meningkat selanjutnya, yang membantu mengawal kos kredit pada paras rendah," katanya dalam satu kenyataan Khamis.

Bagaimanapun, disebabkan oleh penyusutan keuntungan bersih, kumpulan ini telah menyemak turun unjuran bagi sektor ini tahun ini.

Bagi tahun kewangan 2014, ia menganggarkan keuntungan bersih bagi Affin Bank, CIMB Bank dan Public Bank susut sebanyak tiga hingga empat peratus ekoran unjuran margin yang lebih rendah, manakala ramalan pendapatan bagi Maybank dinaikkan sebanyak dua peratus disebabkan oleh pencapaiannya yang lebih tinggi daripada dijangkakan.

"Unjuran kami bagi bank-bank lain pada umumnya tidak berubah," katanya.

RHB berkata keputusan Affin dan Maybank lebih tinggi sedikit daripada anggarannya dan anggaran konsensus, berikutan kos kredit Affin yang lebih rendah daripada dijangkakan, dan keuntungan kendalian sebelum susut nilai Maybank yang lebih tinggi daripada dijangkakan.

"Lima bank dalam liputan kami mengisytiharkan dividen tetapi hanya dividen Maybank memberikan kejutan dengan meningkat, disebabkan oleh keputusannya yang lebih baik daripada dijangkakan.

"Kami terus yakin sektor ini akan mengatasi prestasi sektor lain, kerana bank-bank sudah bersedia untuk meraih manfaat daripada pemulihan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar yang tidak dijangkakan tahun ini, dengan disokong oleh inisiatif-inisiatif Program Transformasi Ekonomi (ETP).

"Kami menganggap Maybank dan CIMB sebagai proksi yang sangat baik bagi ETP dan penerima manfaat utama apabila pasaran modal meningkat," tegas firma penyelidikan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019815>